

TEKS UCAPAN

**YAB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
TIMBALAN PERDANA MENTERI
DAN MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR**

**MAJLIS APRESIASI
ANUGERAH TENAGA KEBANGSAAN (NEA) 2024**

**27 Feb 2025 (KHAMIS)
MAJESTIC HOTEL, KUALA LUMPUR**

Bismillahirrahmanirrahim

(Salutasi)

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua, dapat kita bersama-sama hadir di Majlis Apresiasi Anugerah Tenaga Kebangsaan atau lebih dikenali sebagai National Energy Awards (NEA) bagi tahun 2024, pada malam ini.
2. Bagi pihak Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang hadir, bagi meraikan dan mengiktiraf pemimpin industri dan organisasi atas komitmen mereka dalam menerima serta menerapkan konsep dan amalan kecekapan tenaga.

3. Sejak diperkenalkan pada tahun 2018, NEA telah mencatatkan pencapaian yang memberangsangkan, dengan peningkatan penyertaan saban tahun. Secara keseluruhan, NEA telah menerima sebanyak 1,147 penyertaan, daripada pelbagai sektor kerajaan dan swasta, serta berjaya merekodkan penjimatan tenaga sebanyak 1,850 GWh / setahun. Ini bersamaan dengan RM55 juta / setahun dalam bentuk pengurangan bil tenaga dan menjana Tenaga Boleh Baharu (TBB) sebanyak 261.97GWh / setahun.
4. Bagi tahun 2024, sebanyak 134 penyertaan telah diterima, yang mana daripada jumlah tersebut, lebih 65 penyertaan adalah daripada sektor kesihatan, khususnya hospital kerajaan. Penyertaan ini mencerminkan komitmen dan kesungguhan sektor kesihatan dalam mengadaptasi aspek kelestarian dan penjimatan tenaga, yang sewajarnya mendapat pujian dan penghargaan. Secara keseluruhannya, penyertaan NEA 2024 telah menyumbang kepada pengurangan hampir 240,000 tan metrik pelepasan karbon setahun, bersamaan dengan menanam kira-kira 6 juta pokok.
5. Selain itu, sukacita saya kongsi juga, sebanyak 25 organisasi yang memenangi NEA 2024 telah mewakili negara ke ASEAN Energy Awards atau AEA 2024. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 13 wakil negara telah berjaya meraih anugerah di dalam pelbagai kategori AEA. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada kesemua pemenang atas sumbangan besar dalam mengoptimumkan pengurusan tenaga, meningkatkan kecekapan tenaga, dan memajukan tenaga boleh baharu.

SEKTOR TENAGA SEBAGAI TUNJANG PEMBANGUNAN EKONOMI

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

6. Sektor tenaga merupakan tunjang kepada pembangunan ekonomi dan penjanaan kekayaan negara serta menyumbang secara signifikan kepada kesejahteraan kehidupan rakyat. Berikutan peningkatan tumpuan masyarakat lokal dan global terhadap isu perubahan iklim serta komitmen Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG), sektor tenaga terutamanya sektor bekalan elektrik negara juga perlu beralih kepada sistem yang lebih mampan dan rendah karbon. Ini demi menyokong usaha pengurangan jejak karbon bagi sektor komersial dan industri di negara ini.
7. Sehubungan itu, sebagaimana hadirin sedia maklum, Kerajaan melalui National Energy Transition Roadmap (NETR) telah menetapkan aspirasi peralihan tenaga negara untuk meningkatkan campuran kapasiti TBB dalam sistem pembekalan elektrik kepada 70% menjelang tahun 2050 berbanding 28% pada masa ini. Hasrat peralihan tenaga ini akan menggerakkan transformasi sistem bekalan elektrik negara supaya Malaysia kekal menarik dan berdaya saing sebagai destinasi pelaburan bernilai tinggi di rantau ASEAN.
8. Selain memberi tumpuan kepada peningkatan penjanaan tenaga hijau, fokus juga diberikan kepada memperkukuhkan inisiatif 3D iaitu Digitalisation, Decentralisation dan Decarbonisation bagi mewujudkan ekosistem pelaburan hijau (green investment) yang kondusif dengan

memudahkan dan mempelbagaikan akses kepada bekalan elektrik hijau. Oleh itu, keutamaan PETRA adalah memastikan keberkesanan pelaksanaan langkah-langkah progresif seperti berikut:

- a. Meningkatkan komposisi sumber TBB dalam sistem pembekalan elektrik negara melalui pelaksanaan bidaan Program Large Scale Solar (LSS) bagi tahun 2025 dan 2026, dengan kapasiti sehingga 6,000MW di bawah LSS PETRA, LSS PETRA 5+ dan LSS 6, yang mana loji jana kuasa solar serta loji jana kuasa solar terapung terbesar di negara ini dengan kapasiti 650MWp (megawatt peak) serta 450MWp dijangka akan mula beroperasi seawal suku tahun keempat tahun 2027;
- b. Membuka akses dan pilihan pembekalan elektrik hijau yang lebih luas kepada pengguna elektrik bagi memenuhi komitmen ESG, dengan pelaksanaan program baharu seperti Corporate Renewable Energy Supply Scheme (CRESS), yang membolehkan syarikat korporat mendapatkan bekalan elektrik secara terus daripada pemaju TBB menggunakan rangkaian grid sedia ada dengan pembayaran caj akses sistem;
- c. Mempelbagaikan sumber penjanaan TBB dengan menggalakkan pembangunan sumber TBB yang bersifat ***firm supply*** seperti biogas, biojisim dan hidro kecil melalui Program Feed-in Tariff, dan Low Carbon Energy Generation Programme (LCEP);

- d. Memanfaatkan ruang bumbung dan kawasan premis bangunan untuk pemasangan sistem solar dengan meningkatkan kuota di bawah Program Net Energy Metering daripada 1,000MW pada tahun 2023 kepada 2,400MW pada tahun 2024, selain usaha menambah baik garis panduan pelaksanaan program;
 - e. Memperkenalkan dan melaksanakan bidaan terbuka sistem penstoran tenaga pertama di negara ini bagi meningkatkan keanjalan sistem rangkaian grid, selain meneruskan usaha pengukuhan sistem grid untuk membolehkan kemasukan kapasiti TBB yang lebih tinggi;
 - f. Menambah baik pelaksanaan program Green Electricity Tariff untuk membolehkan langganan bekalan elektrik hijau bagi tempoh yang lebih panjang, selain membuka tawaran pembelian sijil TBB (renewable energy certificate) melalui Malaysia Green Attributes Trading System (mGATS); dan
 - g. Melaksanakan perdagangan TBB merentas sempadan yang pertama antara Malaysia dan Singapura, bagi meningkatkan nilai sumber TBB di negara ini, selain menyokong agenda usaha integrasi tenaga di rantau Asia Tenggara.
9. Pada masa yang sama Kerajaan juga telah menambahbaik pelaksanaan Program Solar untuk Kegunaan Sendiri atau Solar for Self-consumption Programme (SelCo) pada tahun lepas. Saya telah

mendapat pelbagai maklum balas mengenai perkara ini. Pihak industri rata-ratanya menyambut baik penambahbaikan untuk program ini. Namun, mereka berpandangan bahawa syarat caj tunggu sedia dan pemasangan sistem penstoran tenaga akan mengurangkan pulangan perniagaan (business profit).

10. Saya telah mengarahkan supaya perkara ini dikaji semula agar satu titik pertemuan antara kestabilan grid dengan business viability dikenal pasti. Beberapa sesi perbincangan dan konsultasi dengan pihak berkepentingan telah dilakukan di peringkat pegawai tertinggi. Dengan ini juga saya ingin mengumumkan penambahbaikan kepada syarat caj tunggu sedia dan pemasangan sistem penstoran tenaga di bawah Program SelCo seperti berikut:

- a. syarat pemasangan sistem penstoran tenaga untuk semua kategori **dikecualikan pelaksanaannya sehingga 31 Disember 2025;**
- b. kapasiti pemasangan **di bawah 1MWp dikecualikan** daripada **caj tunggu sedia;**
- c. caj tunggu sedia bagi kapasiti pemasangan **melebihi 1MWp diturunkan daripada RM14/kWp kepada RM12/kWp.**

11. Besarlah harapan saya agar penambahbaikan ini akan disambut baik oleh pihak industri dan akan terus menyokong agenda peralihan tenaga bagi sektor bekalan elektrik.

NEA SEBAGAI WADAH UNTUK MENGETENGAHKAN KEUPAYAAN DAN PENCAPAIAN PEMBANGUNAN TENAGA LESTARI NEGARA

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

12. Kerajaan akur bahawa aspirasi peralihan tenaga ini mustahil dikecapi tanpa usaha sama daripada semua pihak terutamanya pemain industri kecekapan tenaga dan tenaga boleh baharu. Oleh itu, penganjuran Anugerah NEA merupakan wadah penting untuk mengetengahkan usaha serta amalan terbaik semua pihak berkepentingan di dalam menyokong agenda peralihan tenaga negara.
13. Untuk NEA 2024, satu kategori khusus iaitu Anugerah Khas - Green Stewardship Platinum dan Green Stewardship Gold telah diwujudkan bagi mengiktiraf entiti yang telah mencapai 100% pembekalan elektrik hijau dan juga yang telah mencapai status bekalan elektrik hijau yang memberangsangkan melalui langganan Program Green Electricity Tariff (GET). Pengiktirafan ini diharap akan mendorong pihak syarikat untuk meneruskan komitmen untuk beralih kepada pembekalan elektrik hijau.

Para Hadirin sekalian,

14. Memandangkan Malaysia merupakan pengerusi ASEAN pada tahun ini, adalah menjadi harapan saya agar lebih banyak wakil Malaysia berjaya meraih anugerah di ASEAN Energy Awards 2025 yang akan diadakan di Kuala Lumpur nanti. Oleh itu, saya mempelawa penyertaan sektor kerajaan dan swasta yang mempunyai projek atau amalan terbaik yang boleh ditonjolkan di dalam NEA 2025 yang masih dibuka untuk penyertaan semua. Lebih banyak penyertaan NEA pada tahun 2025, akan membolehkan Malaysia menghantar lebih banyak penyertaan untuk anugerah peringkat ASEAN nanti.

PENUTUP

15. Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jawatankuasa Eksekutif, Jawatankuasa Teknikal serta semua panel penilai NEA di atas sumbangan masa dan tenaga dalam menjayakan penganjuran NEA 2024. Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih kepada pihak sekretariat NEA - Sektor Tenaga, PETRA, MGTC, Suruhanjaya Tenaga dan SEDA Malaysia di atas usaha dan komitmen di dalam menganjurkan NEA. Semoga Tuan-tuan dan Puan-puan terus komited dan tekun berusaha untuk memartabatkan Anugerah Tenaga Kebangsaan.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.